



**RINGKASAN EKSEKUTIF**  
**PROJEK PENYELIDIKAN 2010/2011 (KBS.IPPBM:500/1/5-9)**

**TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN:**

Kajian Kemampuan Keupayaan Penguatkuasaan Undang-Undang Menangani Masalah Jenayah  
Di Kalangan Belia: Kajian Kes Di Seremban, Negeri Sembilan

**KETUA PENYELIDIK:**

Dr. Muhammad Rizal Razman,  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Undang-undang jenayah bertanggungjawab mengawalselia tindak-tanduk semua pihak dalam masyarakat bagi memastikan kesejahteraan persekitaran masyarakat itu terjamin. Hal sebegini merangkumi golongan belia. Golongan belia merupakan golongan yang penting dalam masyarakat. Belia adalah pewaris kepimpinan negara. Belia merupakan aset negara yang tidak ternilai harganya kepada negara. Justeru, kesemua pengurusan pembangunan negara termasuklah pengurusan penguatkuasaan undang-undang jenayah seharusnya memberikan penekanan yang sewajarnya kepada golongan belia.

Kajian seumpama ini penting kerana dapat membantu untuk memahami hubungkait di antara keperluan pengurusan pembangunan negara dan penglibatan belia ke arah kesejahteraan persekitaran masyarakat yang berdayahuni dan mampan. Ia juga sejajar dengan kehendak Prinsip 3 Deklarasi Rio yang mana berkaitan dengan hak untuk membangun mestilah ditunaikan bagi memenuhi keperluan pembangunan dan persekitaran yang saksama untuk generasi masa kini dan akan datang. Disamping itu juga, kepentingan kajian ini juga berdasarkan kepada Prinsip 21 Deklarasi Rio, dimana untuk menghadapi cabaran pembangunan dan kesejahteraan persekitaran, daya kreativiti, idea dan keberanian para belia di dunia hendaklah digerakkan untuk meningkatkan rakan kerja bagi mencapai pembangunan mampan dan bagi memastikan masa depan yang baik kesejahteraan persekitaran masyarakat yang berdayahuni dan mampan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mengetengahkan permasalahan pokok iaitu adakah adakah pengurusan penguatkuasaan undang-undang untuk menangani masalah jenayah dikalangan belia masa kini itu mampan, terutamanya dalam konteks setempat. Justeru, persoalan kajian ini ialah adakah undang-undang dan penguatkuasaannya sedia ada mampu membendung masalah jenayah dikalangan belia. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penguatkuasaan undang-undang sedia ada mampu membendung masalah jenayah dikalangan belia dengan tumpuan di Seremban, Negeri Sembilan.

Kajian ini juga memilih kaedah kajian yang berorientasikan kajian kualitatif bagi memahami aspek kajian doktrinal iaitu berkaitan dengan undang-undang tulen. Kemampuan undang-undang dan penguatkuasaannya dalam menangani masalah jenayah di kalangan belia perlulah diperhalui melalui kajian doktrinal dengan membuat analisis legalistik tulen yang berasaskan kepada ilmu undang-undang.

Hasil kajian mendapati bahawa kemampuan keupayaan pengurusan dalam penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan untuk menangani masalah jenayah dikalangan masyarakat awam, termasuklah golongan belia perlulah disandarkan dengan merujuk kepada perundangan yang sedia ada. Perundangan yang berkaitan dalam pengurusan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan untuk menangani masalah jenayah adalah Kanun Kesiksaan, Kanun Prosedur Jenayah, Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 serta Akta Kanak-Kanak 2001. Perundangan yang tersebut berkenaan telah memberikan kuasa kepada tiga agensi utama kerajaan yang berperanan penting dalam pengurusan penguatkuasaan undang-undang jenayah yang merangkumi aspek penyiasatan, tangkapan, pendakwaan dan perbicaraan.

Tiga agensi yang tersebut adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara/Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Negeri dan Mahkamah. Malah ketiga-tiga agensi berkenaan saling melengkap dalam penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan untuk menangani masalah jenayah dikalangan masyarakat awam, termasuklah golongan belia. Bermula daripada penerimaan maklumat, selepas itu diikuti dengan siasatan. Lalu tangkapan pun dilakukan bagi tujuan siasatan serta pendakwaan. Apabila siasatan telah lengkap. Pendakwaan bermula. Pendakwaan dilakukan dalam perbicaraan. Di akhir perbicaraan akan menentukan tertuduh bersalah atau sebaliknya. Sekiranya bersalah, maka hukuman bakal diterima. Beginilah struktur pengurusan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan untuk menangani masalah jenayah dikalangan masyarakat awam, termasuklah golongan belia sepertimana di peruntukkan oleh perundangan di Malaysia.

Berdasarkan kepada dapatan kajian tersebut di atas, kajian ini dapat membantu untuk memahami hubungkait di antara keperluan pengurusan pembangunan negara dan penglibatan belia ke arah kesejahteraan persekitaran masyarakat yang berdayahuni dan mampan. Ia juga selaras dengan kehendak Prinsip 3 dan 21 Deklarasi Rio bagi memastikan masa depan negara yang lebih baik dengan memberi penekanan kepada golongan belia untuk kesinabungan kesejahteraan persekitaran masyarakat yang berdayahuni dan mampan.